BH ONLINE

Kos pengeluaran gula punca MSM alami kerugian operasi

Oleh Alzahrin Alias - November 23, 2023 @ 3:42pm
zahrin@bh.com.my



MSM mengeluarkan gula bertapis nasional jenama Gula Prai -NSTP/Hairul Anuar Rahim

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula bertapis nasional jenama Gula Prai mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM36 juta bagi suku ketiga tahun kewangan berakhir Disember 2023 berbanding RM73 juta pada suku sama tahun lalu.

Pemulihan itu disebabkan oleh peningkatan margin daripada segmen industri dan eksport, kos pengangkutan yang lebih rendah dan penggunaan kapasiti yang lebih baik.

Hasil bagi suku dikaji meningkat kepada RM807 juta, 21 peratus lebih tinggi berbanding RM668 juta pada suku yang sama tahun lalu.

Sementara itu, hasil bagi sembilan bulan tahun kewangan 2023 meningkat 13 peratus kepada RM2.14 bilion daripada RM1.89 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Peningkatan hasil untuk sembilan bulan itu adalah disebabkan oleh kenaikan sebanyak 13 peratus dalam harga jualan purata (ASP) untuk semua segmen walaupun jumlah jualan lebih rendah.

Kerugian bersih operasi adalah berpunca oleh kos pengeluaran yang lebih tinggi dalam tempoh dikaji, disebabkan peningkatan 24 peratus bagi gula mentah NY11 antara kos-kos lain yang meningkat.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata industri gula menyaksikan permintaan yang lebih kukuh dalam pasaran tempatan dan eksport.

Walau bagaimanapun, katanya di tengah-tengah persekitaran mencabar berpanjangan dengan kos input yang tinggi disebabkan peningkatan kos gula mentah, kos pengangkutan dan gas asli serta kelemahan ringgit, industri gula tempatan kekal berdaya tahan.

"Kos input semasa yang tinggi sedang ditangani tetapi terus menghalang peningkatan prestasi kewangan kumpulan. Segmen borong menyumbang sebanyak 40 peratus daripada jumlah jualan terjejas oleh margin negatif kerana harganya dikawal oleh kerajaan.

"Harga siling yang ditetapkan kerajaan kekal tidak berubah dan tanpa subsidi sejak 10 tahun lalu. Harga gula Malaysia yang dikawal adalah termurah di rantau ini dan dunia mewakili kejanggalan dalam ekonomi. Oleh itu, banyak negara lain di rantau ini telah menaikkan harga gula seperti Indonesia dan Thailand dan kami meminta sokongan kerajaan untuk pemulihan harga bagi membantu mengatasi kos input tinggi yang telah disebutkan.

"Kami percaya bahawa kerajaan akan memberikan pertimbangan dan sokongan yang sewajarnya untuk kemampanan industri gula tempatan," katanya dalam satu kenyataan.

Syed Feizal berkata, di sebalik cabaran ini, MSM berpuas hati dengan jualan dicatatkan oleh produk baharu, Gula Prai Super yang dilancarkan pada Mei lalu telah menyumbang hasil tambahan kepada syarikat.

Katanya, MSM akan memastikan bekalan gula di pasaran tidak terganggu dan penting untuk mengiktirafnya di bawah agenda keterjaminan makanan negara terutamanya mengintegrasikannya dengan aktiviti huluan dalam membangunkan ladang tebu tempatan atau melalui pelaburan berbalik di wilayah berdekatan.

"Mengenai prestasi kewangan, kami mengambil semua langkah untuk memastikan kembali untung seperti yang dicatatkan pada tahun 2021 agar dapat memberikan pulangan kepada pemegang saham, memenuhi tanggungjawab korporat kepada pihak berkepentingan, dan menyumbang secara positif kepada ekonomi," katanya.

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula terkemuka negara dan antara 10 kilang penapisan terbaik di dunia, menyediakan produk gula bertapis berkualiti tinggi bagi memastikan keterjaminan makanan Malaysia.

***

HEADLINE	Kos pengeluaran gula punca MSM alami kerugian operasi
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	23 November 2023, 3:42pm
BY	Alzahrin Alias
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2023/11/1180674/kos-pengeluaran-gula-punca-msm-alami-kerugian-operasi